



(<https://www.myzarratravel.com.my/>)

## PRIVATE TOUR – 3 HARI 2 MALAM SURABAYA – BROMO TOUR

### INDONESIA

---

#### **Tour Code: PTR01**

Menyaksikan Keajaiban Matahari Terbit di Gunung Bromo – Pengalaman Alam Paling Epik di Jawa Timur



#### ATURCARA PERJALANAN

##### HARI 1 : TIBA DI SURABAYA – BROMO TOSARI (MT/MM)

Setibanya di Lapangan Terbang Juanda, Surabaya, para peserta akan disambut oleh pemandu pelancong tempatan sebelum memulakan Surabaya City Tour. Lawatan merangkumi Submarine Monument (Monkasei), sebuah muzium unik yang memaparkan kapal selam sebenar, diikuti Heroes Monument (Tugu Pahlawan) yang menjadi simbol perjuangan kemerdekaan Indonesia. Peserta juga akan melawat kawasan Sunan Ampel, sebuah kawasan bersejarah yang terkenal dengan warisan Islam dan suasana komuniti Muslim yang hidup.

Pada sebelah petang, perjalanan diteruskan menuju ke kawasan Gunung Bromo. Dalam perjalanan, singgahan dibuat di Masjid Cheng Ho, masjid pertama di Surabaya yang dibina dengan seni bina tradisional menyerupai kuil Buddha dan Tao, mencerminkan keharmonian budaya dan sejarah Islam di Jawa.

Makan tengah hari dan makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta daftar masuk hotel dan berehat.

## HARI 2: BROMO - SURABAYA (SP/MT/MM)

Seawal jam 3.00 pagi, peserta akan bangun untuk menikmati kemuncak lawatan iaitu menyaksikan matahari terbit di Gunung Bromo. Peserta akan dibawa menaiki kenderaan tempatan atau Jeep 4WD menuju ke Mount Penanjakan (View Point 1) yang terletak pada ketinggian 2,750 meter dari paras laut. Dari sini, peserta dapat menyaksikan pemandangan matahari terbit yang memukau dengan latar Gunung Bromo dan persekitarannya yang kelihatan seperti lukisan alam semula jadi.

Selepas itu, peserta kembali ke hotel untuk sarapan pagi dan membersihkan diri sebelum daftar keluar hotel. Perjalanan diteruskan ke Bandar Sidoarjo untuk aktiviti membeli-belah di Tanggulangin, kawasan yang terkenal dengan produk kulit berkualiti seperti tali pinggang, dompet, beg dan kasut pada harga yang berpatutan. Seterusnya, peserta akan singgah membeli oleh-oleh di Sidoarjo Shrimp Crackers, yang menawarkan pelbagai snek tradisional Indonesia.

Lawatan diteruskan kembali ke Surabaya dengan singgahan membeli-belah di Indah Embroidery Moslem Fashion serta Mirota Shop & Batik Gallery untuk mendapatkan pakaian Muslim dan cenderamata tempatan. Makan tengah hari dan makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta daftar masuk hotel dan berehat.

## HARI 3: SURABAYA – DEPARTURE (SP)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta diberi masa untuk membeli-belah saat akhir di Pasar Atum Shopping Mall atau Tunjungan Plaza, antara pusat membeli-belah terbesar di wilayah Indonesia Timur.

Seterusnya, peserta akan dihantar ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

## MAKLUMAT HARGA:

PENGINAPAN	HARGA SEORANG (MYR)				GROUP SIZE (PAX)
	BERDUA/BERTIGA	SINGLE SUPP	KANAK-KANAK DENGAN KATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL	
Ground Only: SURABAYA	1,220	320	1,100	740	2-3
	1,100	320	990	660	4-7

SURABAYA . NEO GUBENG HOTEL*3 / MIDTOWN HOTEL*3 / SIMILAR • MALANG : SAME HOTEL*3 / SIMILAR • BROMO : GRAND WHIZ HOTEL*2 / SIMILAR	1,080	320	980	650	8-10
<b>Penerbangan pergi balik AirAsia KUL-SUB-KUL (kos RM700/seorang)estimate* - kos akhir bergantung pada tarikh yang anda pilih.</b>					

#### PAKEJ TERMASUK :

- Penginapan hotel
- Sarapan pagi di hotel
- Makanan seperti yang dinyatakan dalam program (Makanan Halal)
- Pengangkutan sepanjang tour
- Perkhidmatan Pemandu Pelancong (berbahasa Melayu) (02 - 07 Pax Driver Cum Guide)
- Semua bayaran masuk seperti yang dinyatakan dalam jadual perjalanan
- Air Mineral setiap hari

#### PAKEJ TAK TERMASUK :

- Tiket penerbangan dan Cukai Lapangan Terbang Antarabangsa \*
- Hujung Minggu (Jumaat – Sabtu) / Cuti Umum Surcaj ke BROMO : RM 35/pax
- Tips untuk pemandu dan tour guide RM10/seorang/hari
- Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Perbelanjaan Peribadi (Porter, Dobi, telefon, Lawatan Pilihan, dll)

#### HARGA KANAK-KANAK:

- Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 100% Bilik Kongsi
- Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 90% Kongsi Katil
- Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 60% Tiada Katil
- Untuk Bayi, akan berkongsi makan dan tidur dengan ibu bapa dan oleh itu FOC.

#### NOTA & SURCAJ :

- Kadar adalah TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DISEBABKAN MATA WANG TURUN
- Surcaj dikenakan untuk Krismas, Tahun Baru, Hari Raya & Cuti Sekolah.
- Tempoh sah pakej: Sehingga 31 Disember 2026

**The above itineraries are to be used as guide, may change slightly.**

**TERMS & CONDITIONS APPLY!**

